



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
Portal : www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.43 (29)

Tarikh : 16 Mei 2014

SIARAN MEDIA

RUMAH PANGSA TAMAN TAMPOI UTAMA TERPILIH UNTUK PELAKSANAAN PROGRAM LAUTAN BIRU KEBANGSAAN 7 (NBOS 7) – MY BEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD (MyBN) BAGI TAHUN 2014

JOHOR BAHRU, 16 MEI 2014 - Y.B. Timbalan Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan melawat Rumah Pangsa Taman Tampoi Utama Blok A,B,C,D dan Rumah Pangsa Taman Tampoi Utama Blok E,F,G,H yang terpilih untuk pelaksanaan NBOS 7 bagi tahun 2014 pada pagi ini.

2. MyBN di Taman Tampoi Utama ini melibatkan peruntukkan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM 540,818.22 : bagi perumahan Rumah Pangsa (RP) Taman Tampoi Utama Blok A,B,C,D dan sebanyak RM 1,129,797.80 bagi Rumah Pangsa Taman Tampoi Utama Blok E,F,G,H.

3. Skop kerja yang terlibat adalah seperti mengecat bangunan, menurap jalan, membaikpulih lampu jalan, membina tempat letak kereta dan pembangunan landskap persekitaran.

4. RP Taman Tampoi Utama, Johor Bahru (Blok A,B,C & D) dan RP Taman Tampoi Utama, Johor Bahru (Blok E,F,G & H) adalah 2 daripada 4 kawasan perumahan kos rendah awam dan swasta di negeri Johor yang dipilih untuk pelaksanaan NBOS7 bagi tahun 2014. Kawasan perumahan yang lain ialah RP Bandar Penggaram, Batu Pahat dan RP Cendana, Johor Bahru

5. Program My Beautiful Neighbourhood (MyBN) ini adalah di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan 7 (NBOS7) oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang menasaskan pemulihan kawasan perumahan awam dan swasta dalam kawasan PBT yang mempunyai kemudahan awam yang tidak terjaga dan kotor seperti longkang tersumbat, jalan raya yang berlubang, lampu jalan yang tidak diselenggara dengan baik, sampah sarap yang tidak terurus dan tidak dikutip secara berkala serta mempunyai kadar jenayah yang tinggi.

6. Objektif MyBN ialah :

- Mengubah persekitaran kejiranan perumahan awam dan swasta yang tidak terurus kepada persekitaran yang indah;
- Mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat, bersih, ceria secara mampan; dan
- Mewujudkan perasaan cintakan persekitaran kejiranan di kalangan penduduk dan belia setempat.

7. KPKT berkerjasama dengan secara rentas kementerian, jabatan dan pihak berkuasa tempatan bagi menjaya MyBN ini di Rumah Pangsa Taman Tampoi Utama seperti berikut :

- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran – Penyelenggaraan Bangunan
- Jabatan Kerajaan Tempatan – Menaik taraf infrastruktur dan kemudahan awam
- Jabatan Landskap Negara – Menaik taraf landskap dan projek pengindahan
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa – Pelaksanaan langkah-langkah Program Bandar Selamat
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPA) dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara – Pembersihan Awam
- PDRM, RELA dan ATM – Rondaan Keselamatan

8. Pada tahun 2014, terdapat 20 projek telah diluluskan di bawah projek NBOS7 - MyBN dengan kos sebanyak RM47 juta seperti di Jadual 1. Kos dan skop kerja bagi keempat-empat kawasan perumahan adalah seperti di Jadual 2. (lihat lampiran)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan (9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my